KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# GARIS PANDUAN
# MAHRAJAN AL-QURAN SEKOLAH-SEKOLAH
# (MQSS)
# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
# TAHUN 2024

Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PERATURAN DAN PANDUAN PERTANDINGAN

1. Berikut adalah senarai acara yang dipertandingkan di dalam Mahrajan al-Quran Sekolah-sekolah (MQSS) Kementerian Pendidikan Malaysia:

| Bil | Acara | Sekolah | Kategori | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Tilawah al-Quran | Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 2 | | Menengah | Lelaki | Perempuan |
| 3 | Hafazan al-Quran | Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 4 | | Menengah | Lelaki | Perempuan |
| 5 | Tahfiz al-Quran (Juzuk 1–18 dan 30) | Menengah Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 6 | Tahfiz al-Quran (Juzuk 1–30) | Menengah Atas | Lelaki | Perempuan |
| 7 | Qiraat Sab'ie Bittarannum | Menengah Rendah | Lelaki | Perempuan |
| 8 | | Menengah Atas | Lelaki | Perempuan |
| 9 | Kuiz Ilmu Wahyu | Menengah | Terbuka | |

2. Penyertaan adalah terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Panduan penyertaan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

| Bil | Kategori | Kelas |
|---|---|---|
| 1 | Sekolah Rendah | Tahun 1 hingga Tahun 6 |
| 2 | Sekolah Menengah | Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 (umur 13 - 17 tahun) |
| 3 | Menengah Rendah | Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 (umur 13 - 15 tahun) |
| 4 | Menengah Atas | Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5 (umur 16 - 17 tahun) |

4. Seorang peserta dibenarkan menyertai satu acara sahaja.

5. Pertandingan ini bermula di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Tarikh pelaksanaan peringkat sekolah, daerah dan negeri adalah mengikut ketetapan JPN masing-masing.

6. Pelaporan pelaksanaan peringkat sekolah dan daerah hendaklah dihantar ke JPN masing-masing.

7. Pakaian peserta mestilah menutup aurat dengan sempurna dan sopan:

   i. Peserta lelaki hendaklah memakai baju melayu cekak musang yang lengkap; berkain samping, bersongkok hitam dan berkasut sekolah berwarna hitam; dan

   ii. Peserta perempuan pula hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat iaitu berbaju kurung, bertudung sempurna tanpa hiasan dan berkasut sekolah berwarna hitam.

8. Borang pendaftaran peserta bagi semua acara Mahrajan al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) kebangsaan perlu sampai kepada urus setia Bahagian Pendidikan Islam sebulan daripada tempoh pelaksanaan.

9. Tema Mahrajan al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) ialah **"ADAB DAN NILAI MENJANA KARAMAH INSANIAH"**

## 1.0 TILAWAH AL-QURAN

### 1.1 PENGENALAN

1.1.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan aktiviti pembangunan adab dan nilai yang berbentuk pertandingan.

1.1.2 Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi bidang seni tarannum al-Quran.

### 1.2 BILANGAN PESERTA

1.2.1 Bilangan peserta Tilawah al-Quran dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut:

i. Sekolah Rendah:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan. Dibenarkan membawa seorang peserta simpanan kategori Perempuan.

ii. Sekolah Menengah:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan. Dibenarkan membawa seorang peserta simpanan kategori perempuan.

1.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Tilawah al-Quran ialah maksimum enam (6) orang.

1.2.3 Sekiranya berlaku pertukaran peserta perempuan semasa pertandingan, Ketua Kontinjen hendaklah memaklumkannya kepada pengurus peserta pertandingan. Pengurus peserta hendaklah memaklumkannya kepada Ketua Juri.

### 1.3 PENGUNDIAN

1.3.1 Pengundian giliran dan ayat akan dilaksanakan pada hari pendaftaran.

1.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

1.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakilnya tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

1.3.4 Hanya nombor permulaan ayat dinyatakan semasa pengundian.

1.3.5 Peserta hanya dibenarkan membaca ayat undiannya sahaja. Peserta yang membaca selain daripada ayat undian akan dikira terbatal.

## 1.4 TEMPOH BACAAN

1.4.1 Masa bagi setiap peserta adalah selama lapan (8) minit.

1.4.2 Bacaan melebihi lapan (8) minit tidak akan diberi markah.

1.4.3 Peserta boleh memulakan bacaan apabila lampu hijau dinyalakan. Masa akan dikira bermula dari peserta membaca isti'azah / basmalah.

1.4.4 Loceng pertama akan dibunyikan satu kali pada minit keenam (6) beserta lampu kuning dinyalakan.

1.4.5 Loceng kedua akan dibunyikan dua kali pada minit kelapan (8) beserta lampu merah dinyalakan.

## 1.5 RIWAYAT DAN *TARIQ* BACAAN

Peserta dikehendaki membaca mengikut Riwayat *Hafs Tariq al-Syatibi* sahaja.

## 1.6 PENJURIAN

1.6.1 Tilawah al-Quran akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut:

i. Bahagian Tajwid (35 markah)

ii. Bahagian Tarannum (25 markah)

iii. Bahagian Fasahah (20 markah)

iv. Bahagian Suara (20 markah)

1.6.2 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:

i. Bahagian Tajwid

ii. Bahagian Tarannum

iii. Bahagian Fasahah

iv. Bahagian Suara

1.6.3 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri hendaklah bersidang. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh jemaah juri adalah muktamad.

# اية تلاوة القرءان مهرجان القرءان سکوله - سکوله (MQSS)
# کمنترين ڤنديديقن مليسيا ڤريغکت کبغساءن تاهون ٢٠٢٤
# کاتݢوري سکوله رنده (للاکي)

| بيلڠن | جزء | سورة | اية | هلامن | ڤرمولاءن اية |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 6 | المائدة | 67 | 119 | يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغْ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُۥ ۚ<br>وَٱللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٦٧﴾ |
| 2 | 9 | الأعراف | 189 | 175 | هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ<br>فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِۦ ۖ فَلَمَّآ أَثْقَلَت دَّعَوَا ٱللَّهَ<br>رَبَّهُمَا لَئِنْ ءَاتَيْتَنَا صَٰلِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٨٩﴾ |
| 3 | 26 | الفتح | 1 | 511 | إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾ لِّيَغْفِرَ لَكَ ٱللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنۢبِكَ وَمَا<br>تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَٰطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٢﴾ |
| 4 | 11 | التوبة | 111 | 204 | إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ<br>ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ |
| 5 | 2 | البقرة | 153 | 23 | يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾ |
| 1 | 17 | الأنبياء | 92 | 330 | إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾ |

اية تلاوة القرءان مهرجان القرءان سكوله - سكوله (MQSS)

كمنترين ڤنديديقن مليسيا ڤريغكت كبغساءن تاهون ٢٠٢٤

كاتكوري سكوله رنده (ڤرمڤوان)

| بيلغن | جزء | سورة | اية | هلامن | ڤرمولاءن اية |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 18 | المؤمنون | 1 | 342 | قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ |
| 2 | 17 | الأنبياء | 51 | 326 | وَلَقَدْ ءَاتَيْنَآ إِبْرَٰهِيمَ رُشْدَهُۥ مِن قَبْلُ وَكُنَّا بِهِۦ عَٰلِمِينَ ﴿٥١﴾ |
| 3 | 9 | الأنفال | 1 | 177 | يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾ |
| 4 | 18 | النور | 21 | 352 | يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ وَمَن يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۚ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾ |
| 5 | 20 | القصص | 51 | 392 | وَلَقَدْ وَصَّلْنَا لَهُمُ ٱلْقَوْلَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ |
| 6 | 21 | لقمان | 12 | 412 | وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَٰنَ ٱلْحِكْمَةَ أَنِ ٱشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿١٢﴾ |

## اية تلاوة القرءان مهرجان القرءان سکوله - سکوله(MQSS)
## کمنترين ڤنديديقن مليسيا ڤريڠکت کبڠساءن تاهون ٢٠٢٤
## کاتکوري سکوله منڠه (للاکي)

| بيلڠن | جزء | سورة | اية | هلامن | ڤرمولاءن اية |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 18 | الفرقان | 1 | 359 | تَبَارَكَ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِۦ لِيَكُونَ لِلْعَٰلَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾ |
| 2 | 13 | إبراهيم | 28 | 259 | أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ بَدَّلُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا۟ قَوْمَهُمْ دَارَ ٱلْبَوَارِ ﴿٢٨﴾ |
| 3 | 18 | النور | 35 | 354 | ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ |
| 4 | 12 | هود | 69 | 229 | وَلَقَدْ جَآءَتْ رُسُلُنَآ إِبْرَٰهِيمَ بِٱلْبُشْرَىٰ قَالُوا۟ سَلَٰمًا ۖ قَالَ سَلَٰمٌ ۖ فَمَا لَبِثَ أَن جَآءَ بِعِجْلٍ حَنِيذٍ ﴿٦٩﴾ |
| 5 | 11 | يونس | 71 | 217 | وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُم مَّقَامِى وَتَذْكِيرِى بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوٓا۟ أَمْرَكُمْ وَشُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ ٱقْضُوٓا۟ إِلَىَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾ |
| 6 | 15 | الإسراء | 70 | 289 | وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾ |

اية تلاوة القرءان مهرجان القرءان سكوله - سكوله (MQSS)

كمنترين ڤنديديقن مليسيا ڤريڠكت كبڠساءن تاهون ٢٠٢٤

كاتڬوري سكوله منڠه (ڤرمڤوان)

| بيلڠن | جزء | سورة | اية | هلامن | ڤرمولاءن اية |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 13 | يوسف | 53 | 242 | وَمَآ أُبَرِّئُ نَفۡسِيٓۚ إِنَّ ٱلنَّفۡسَ لَأَمَّارَةُۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّيٓۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٥٣ |
| 2 | 23 | الزمر | 21 | 460 | أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَسَلَكَهُۥ يَنَٰبِيعَ فِي ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ يُخۡرِجُ بِهِۦ زَرۡعٗا مُّخۡتَلِفًا أَلۡوَٰنُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصۡفَرّٗا ثُمَّ يَجۡعَلُهُۥ حُطَٰمًاۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكۡرَىٰ لِأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٢١ |
| 3 | 21 | الروم | 17 | 406 | فَسُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ حِينَ تُمۡسُونَ وَحِينَ تُصۡبِحُونَ ١٧ |
| 4 | 10 | التوبة | 60 | 196 | إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦٠ |
| 5 | 21 | لقمان | 1 | 411 | الٓمٓ ١ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡحَكِيمِ ٢ هُدٗى وَرَحۡمَةٗ لِّلۡمُحۡسِنِينَ ٣ |
| 6 | 19 | النمل | 15 | 378 | وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيۡمَٰنَ عِلۡمٗاۖ وَقَالَا ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٖ مِّنۡ عِبَادِهِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٥ |

## 2.0 HAFAZAN AL-QURAN

### 2.1 PENGENALAN

2.1.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan aktiviti pembangunan adab dan nilai yang berbentuk pertandingan.

2.1.2 Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi bidang hafazan al-Quran.

### 2.2 BILANGAN PESERTA

2.2.1 Bilangan peserta Hafazan al-Quran dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut:

i. Sekolah Rendah:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

ii. Sekolah Menengah:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

2.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Hafazan al-Quran ialah empat (4) orang.

### 2.3 PENGUNDIAN

2.3.1 Pengundian giliran akan dilaksanakan pada hari pendaftaran.

2.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

2.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakilnya tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

2.3.4 Cabutan undian set soalan hafazan hendaklah dilakukan di hadapan Juri Fatih dan Munabbih di tempat pertandingan.

2.3.5 Peserta sekolah rendah hendaklah menghafaz daripada surah al-Fatihah dan surah-surah daripada Juzuk Amma dan peserta sekolah menengah hendaklah menghafaz surah-surah yang telah ditetapkan.

## 2.4 BENTUK UJIAN

2.4.1 Setiap peserta diuji bacaan al-Quran secara hafaz dengan lisan melalui surah al-Fatihah dan beberapa surah daripada Juzuk Amma (peserta sekolah rendah) dengan lancar serta mengambil kira hukum-hukum tajwid, fasahah dan suara.

2.4.2 Setiap peserta sekolah rendah diwajibkan membaca surah al-Fatihah pada soalan pertama dan diikuti dengan empat soalan berikutnya.

2.4.3 Setiap peserta sekolah menengah diwajibkan menjawab lima soalan daripada satu set soalan yang dipilih.

## 2.5 SURAH-SURAH HAFAZAN

2.5.1 Senarai surah-surah hafazan sekolah rendah peringkat negeri dan kebangsaan:

| BIL | SURAH |
|---|---|
| 01 | (40 – 1) النبأ |
| 02 | (46 – 1) النازعات |
| 03 | (42 – 1) عبس |
| 04 | (29 – 1) التكوير |
| 05 | (19 – 1) الانفطار |
| 06 | (36 – 1) المطففين |
| 07 | (25 – 1) الانشقاق |
| 08 | (22 – 1) البروج |
| 09 | (17 – 1) الطارق |

| BIL | SURAH |
|---|---|
| 10 | (19 – 1) الأعلى |
| 11 | (26 – 1) الغاشية |
| 12 | (30 – 1) الفجر |
| 13 | (20 – 1) البلد |
| 14 | (15 – 1) الشمس |
| 15 | (21 – 1) الليل |
| 16 | (11 – 1) الضحى |
| 17 | (8 – 1) الشرح |
| 18 | (8 – 1) التين |

| BIL | SURAH |
|---|---|
| 19 | (19 – 1) العلق |
| 20 | (5 – 1) القدر |
| 21 | (8 – 1) البينة |
| 22 | (8 – 1) الزلزلة |
| 23 | (11 – 1) العاديات |
| 24 | (11 – 1) القارعة |
| 25 | (8 – 1) التكاثر |
| 26 | (7 – 1) الفاتحة |

2.5.2 Senarai surah-surah hafazan sekolah menengah peringkat negeri dan kebangsaan:

| BIL | SURAH |
|---|---|
| 01 | (30 – 1) السجدة |
| 02 | (83 – 1) يس |
| 03 | (59 – 1) الدخان |
| 04 | (96 – 1) الواقعة |
| 05 | (14 – 1) الصف |

| BIL | SURAH |
|---|---|
| 06 | (11 – 1) الجمعة |
| 07 | (30 – 1) الملك |
| 08 | (28 – 1) نوح |
| 09 | (31 – 1) الإنسان |

## 2.6 PILIHAN AYAT

2.6.1 Senarai soalan-soalan hafazan sekolah rendah dan menengah adalah sulit.

2.6.2 Peserta dikehendaki memilih satu sampul yang menentukan set soalan kemudian menyerahkan sampul tersebut kepada Juri Fatih.

## 2.7 TEMPOH BACAAN

2.7.1 Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Juri Fatih berhak menamatkan sesi ujian mana-mana peserta sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.

## 2.8 BENTUK BACAAN

2.8.1 Peserta dikehendaki menghafaz mengikut bacaan tadwir sahaja.

## 2.9 PENJURIAN

2.9.1 Hafazan Al-Quran akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut:

i. Bahagian Hafaz dan Lancar (40 markah)

ii. Bahagian Tajwid (30 markah)

iii. Bahagian Fasahah (20 markah)

iv. Bahagian Suara dan Gaya (10 markah)

2.9.2 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:

i. Bahagian Hafaz dan Lancar

ii. Bahagian Tajwid

iii. Bahagian Fasahah

iv. Bahagian Suara dan Gaya

2.9.3 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri hendaklah bersidang. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh jemaah juri adalah muktamad.

## 3.0 TAHFIZ AL-QURAN JUZUK 1-18 DAN 30 / JUZUK 1-30

### 3.1 PENGENALAN

3.1.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan aktiviti pembangunan adab dan nilai yang berbentuk pertandingan.

3.1.2 Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi bidanghafazan al-Quran.

### 3.2 BILANGAN PESERTA

3.2.1 Bilangan peserta Tahfiz al-Quran dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut:

i. Acara Tahfiz al-Quran Juzuk 1-18 dan 30:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan dari menengah rendah.

ii. Acara Tahfiz al-Quran Juzuk 1-30:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan dari menengah atas.

3.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Tahfiz al-Quran ialah empat (4) orang.

### 3.3 PENGUNDIAN

3.3.1 Pengundian giliran akan dilaksanakan pada hari pendaftaran.

3.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

3.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakilnya tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

3.3.4 Cabutan undian set soalan hafazan hendaklah dilakukan dihadapan Juri Fatih dan Munabbih di tempat pertandingan.

## 3.4 BENTUK UJIAN

3.4.1 Setiap peserta diuji bacaan al-Quran secara hafaz dengan lisan. Peserta dikehendaki membaca dengan lancar serta mengambil kira hukum-hukum tajwid, fasahah dan suara.

3.4.3 Setiap peserta diwajibkan menjawab empat soalan daripada satu set soalan yang dipilih.

3.4.4 Bentuk soalan acara Tahfiz al-Quran Juzuk 1-18 dan 30 adalah seperti berikut:

i. Soalan pertama hingga soalan ketiga dari juzuk 1 – 18

ii. Soalan keempat dari juzuk 30.

## 3.5 PILIHAN SET SOALAN

Peserta dikehendaki memilih satu sampul yang menentukan set soalan kemudian menyerahkan sampul tersebut kepada Juri Fatih.

## 3.6 TEMPOH BACAAN

Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Juri Fatih berhak menamatkan sesi ujian sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.

## 3.7 BENTUK BACAAN

Peserta dikehendaki menghafaz mengikut bacaan tadwir sahaja.

## 3.8 PENJURIAN

3.8.1 Tahfiz al-Quran akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut:

i. Bahagian Hafaz dan Lancar (40 markah)

ii. Bahagian Tajwid (30 markah)

iii. Bahagian Fasahah (20 markah)

iv. Bahagian Suara dan Gaya (10 markah)

3.8.2 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:

i. Bahagian Hafaz dan Lancar

ii. Bahagian Tajwid

iii. Bahagian Fasahah

iv. Bahagian Suara dan Gaya

3.8.3 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri hendaklah bersidang. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh jemaah juri adalah muktamad.

## 4.0 QIRAAT SAB'IE BITTARANNUM

### 4.1 PENGENALAN

4.1.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan aktiviti pembangunan adab dan nilai yang berbentuk pertandingan.

4.1.2 Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi bidang seni tarannum al-Quran dengan qiraat.

### 4.2 BILANGAN PESERTA

4.2.1 Bilangan peserta Qiraat Sab'ie Bittarannum dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut:

i. Menengah Rendah:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan dari tingkatan menengah rendah. Dibenarkan membawa seorang peserta simpanan kategori perempuan.

ii. Menengah Atas:

Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan dari tingkatan menengah atas. Dibenarkan membawa seorang peserta simpanan kategori perempuan.

4.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Qiraat Sab'ie Bittarannum ialah maksimum enam (6) orang.

4.2.3 Sekiranya berlaku pertukaran peserta perempuan semasa pertandingan, Ketua Kontinjen hendaklah memaklumkan kepada pengurus peserta pertandingan. Pengurus peserta hendaklah memaklumkannya kepada ketua juri.

## 4.3 UNDIAN GILIRAN

4.3.1 Pengundian giliran akan dilaksanakan pada hari pendaftaran.

4.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

4.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakilnya tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

## 4.4 UNDIAN SET SOALAN

4.4.1 Setiap peserta akan memilih satu sampul surat yang mengandungi nombor set soalan dan kemudiannya memberikannya kepada Juri Fatih.

4.4.2 Peserta akan diberikan masa selama **lima minit** bagi tempoh persediaan selepas set soalan dibacakan oleh Juri Fatih.

## 4.5 TEMPOH BACAAN

Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Juri Fatih berhak menamatkan sesi ujian sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.

## 4.6 BENTUK BACAAN

4.6.1 Peserta hendaklah membaca secara bertarannum dan tartil.

4.6.2 Peserta juga dikehendaki membaca surah mengikut kaedah bacaan qiraat yang ditentukan.

## 4.7 BENTUK UJIAN

4.7.1 Peserta akan diuji secara lisan melalui beberapa surah yang ditentukan berdasarkan sukatan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al- Quran (KKQ).

4.7.2 Setiap peserta dikehendaki membaca surah mengikut kaedah qiraat sab'ie dan riwayat yang ditentukan sahaja.

4.7.3 Peserta hendaklah membaca semua khilaf yang terdapat dalam wajah qiraat yang disoal.

4.7.4 Ayat-ayat yang mengandungi khilaf lebih daripada satu wajah hendaklah diulang bacaannya dengan 2, 4 dan 6 harakat.

4.7.5 Peserta hanya dibenarkan menggunakan mashaf yang disediakan oleh jawatankuasa pertandingan sahaja.

4.7.6 Tiada soalan pilihan atau gantian akan diberikan sekiranya peserta gagal menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

4.7.7 Bentuk soalan menengah rendah

i. Soalan pertama adalah daripada surah al-Fatihah.

ii. Soalan kedua dan ketiga daripada surah al-Fil hingga surah al-Nas.

4.7.8 Bentuk soalan menengah atas

i. Soalan pertama adalah daripada surah al-Fatihah.

ii. Soalan kedua adalah daripada surah al-Takasur hingga surah al-Humazah.

iii. Soalan ketiga adalah dari surah al-Dhuha hingga surah al-Qari'ah.

## 4.8 PENJURIAN

4.8.1 Qiraat Sab'ie Bittarannum akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut:

i. Bahagian Qiraat (40 markah)

ii. Bahagian Tarannum (25 markah)

iii. Bahagian Tajwid (20 markah)

iv. Bahagian Fasahah (15 markah)

4.8.2 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:

i. Bahagian Qiraat

ii. Bahagian Tarannum

iii. Bahagian Tajwid

iv. Bahagian Fasahah

4.8.3 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri hendaklah bersidang. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh jemaah juri adalah muktamad.

## 5.0 KUIZ ILMU WAHYU

### 5.1 PENGENALAN

5.1.1 Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN, pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan aktiviti pembangunan adab dan nilai yang berbentuk pertandingan.

5.1.2 Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi bidang ilmu al-Quran melalui acara kuiz.

### 5.2 BILANGAN PESERTA

Bilangan peserta Kuiz Ilmu Wahyu dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti yang berikut: Satu pasukan terdiri daripada **tiga (3)** orang peserta, sama ada lelaki sahaja, perempuan sahaja atau campuran.

### 5.3 BENTUK PERTANDINGAN

Pertandingan setiap kategori akan dijalankan dalam tiga peringkat:

i. Peringkat Saringan Satu (semua negeri).

ii. Peringkat Saringan Dua (10 negeri yang mendapat markah tertinggi dalam peringkat saringan satu).

iii. Peringkat Akhir (5 negeri yang mendapat markah tertinggi dalam peringkat saringan dua).

### 5.4 SOALAN KUIZ

5.4.1 Soalan kuiz sekolah menengah merangkumi sukatan pelajaran seperti berikut:

i. Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ)

a. Tajwid al-Quran

b. Rasm Uthmani

c. Hafazan al-Quran

d. Qiraat

e. Tarannum al-Quran

ii. Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah

a. Pengajian al-Quran
b. Ulum al-Quran
c. Pengajian Hadis
d. Ulum al-Hadis
e. Akidah Islamiah
f. Akhlak Islamiah

iii. Pendidikan Syariah Islamiah

a. Ayat-ayat Hukum
b. Hadis-hadis Hukum
c. Usul al-Fiqh
d. al-Fiqh
e. Sejarah Perundangan Islam
f. Tamadun Islam

5.4.4 Peringkat saringan:

i. Saringan Satu dan Dua akan dijalankan secara bertulis (objektif dan subjektif).
ii. Ujian akan dijalankan secara serentak bagi setiap peringkat saringan.
iii. Jumlah soalan bagi setiap peringkat saringan ialah 50 soalan.
iv. Tempoh menjawab bagi setiap peringkat saringan adalah satu jam sahaja.

5.4.5 Peringkat akhir:

i. Peringkat ini akan dijalankan secara lisan.

ii. Juru Kuiz akan membacakan soalan sebanyak dua kali sahaja.

iii. Soalan yang akan dikemukakan kepada peserta secara lisan, suara rakaman (audio visual), layar tayang atau apa juga jenis teknik yang dirasakan sesuai oleh jawatankuasa pertandingan.

iv. Tempoh masa menjawab adalah 20 saat sahaja.

v. Loceng akan dibunyikan sebanyak dua kali.

vi. Loceng pertama: dibunyikan sekali selepas soalan dikemukakan.

vii. Loceng kedua: dibunyikan dua kali menandakan tempoh masa menjawab telah tamat.

**5.5 PENJURIAN**

5.5.1 Peringkat saringan:

i. Peserta dikehendaki menjawab 50 soalan bagi setiap peringkat saringan.

ii. Markah kumpulan berdasarkan jumlah keseluruhan markah setiap peserta.

5.5.2 Peringkat akhir:

i. Dua markah penuh akan diberi bagi jawapan yang tepat dan betul. Satu markah diberi bagi jawapan yang kurang tepat dan tiada sebarang markah bagi jawapan yang salah.

ii. Soalan tambahan akan diberikan kepada pasukan (negeri) yang mendapat markah yang sama untuk menentukan pemenang.

iii. Keputusan jemaah juri adalah muktamad.

## 5.6 PANDUAN KEPADA PESERTA

5.6.1 Peserta kuiz dilarang sama sekali berbincang atau memberi apa-apa isyarat kepada rakan sepasukan.

5.6.2 Juru Kuiz boleh menegur atau melarang mana-mana peserta kuiz yang melanggar peraturan 5.6.1.

5.6.3 Juri berhak membatalkan markah diperolehi jika didapati peserta melanggar perkara 5.6.1.

بورڠ ڤنجوريان راسمي مهرجان القرءان سکوله٢ کمنترين ڤنديديقن مليسيا

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM

# تلاوة القرءان سکوله رنده / منڠه

**Pertandingan peringkat:**
1) PPD : ____________ ☐
2) JPN : ____________ ☐
3) Kebangsaan ☐

## بهاݢين تجويد (35 مركه)

| | | | |
|---|---|---|---|
| نومبور ݢيليرن ڤسرتا: ☐ | نام سورة: ............................ | نومبور اية: ............ هيڠݢ ............ | تاريخ: ............................ |
| كاتيݢوري ڤسرتا: ☐ رنده للاكي ☐ منڠه للاكي ☐ رنده ڤرمڤوان ☐ منڠه ڤرمڤوان | | | تمڤت: ............................ |

| ڤركارا٢ يڠ دجوري | چاتتن كسالهن | | مركه يڠ دڤوتوڠ (35 مركه) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ❖ حكوم نون ساكنة دان تنوين. ❖ حكوم ميم ساكنة. ❖ حكوم نون دان ميم تشديد. ❖ حكوم راء دان لام. ❖ حكوم سكتة، إماله دان إبدال. ❖ حكوم مد أصلي دان فرعي. ❖ حكوم تجويد يڠ لائين. | | | 35 | 34 | 33 | 32 | 31 | 30 |
| | | | 29 | 28 | 27 | 26 | 25 | 24 |
| | | | 23 | 22 | 21 | 20 | 19 | 18 |
| | | | 17 | 16 | 15 | 14 | 13 | 12 |
| | | | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 |
| | | | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 | |

| مركه ڤنوه | 35 / 35 | مركه دڤوتوڠ | | مركه دڤراوليهي | | جومله مركه | / 35 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

**ڤرهاتين:**

أ. ساتو كسالهن دڤوتوڠ 1 مركه.

ب. منمتكن باچاٴن سبلوم لوچيڠ ڤرتام دڤوتوڠ 2 مركه.

---------------------------------
تندا تاڠن جوري

---------------------------------
تندا تاڠن كتوا جوري

نام جوري

نام كتوا جوري

بورڠ ڤنجوريين راسمي مهرجان القرءان سکوله٢ کمنترين ڤنديديقن مليسيا

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM

# تلاوة القرءان سکوله رنده / منڠه

Pertandingan peringkat:
1) PPD : ____________
2) JPN : ____________
3) Kebangsaan

## بهاݢين ترنم (25 مرکه)

| | | | |
|---|---|---|---|
| نومبور ڤيليهن ڤسرتا: | نام سورة: ................................ | نومبور اية: ........... هيڠݢ ............ | تاريخ: ............................ |
| کاتيݢوري ڤسرتا: ☐ رنده للاکي ☐ منڠه للاکي ☐ رنده ڤرمڤوان ☐ منڠه ڤرمڤوان | | | تمڤت: ............................ |

| ڤرکارا٢ يڠ دجوري | ترنم دان حرکة-حرکتن | چاتتن کسالهن | مرکه يڠ دڤوتوڠ (25 مرکه) |
|---|---|---|---|
| ❖ ترنم عرب مصري يڠ معتبر سکورڠ-کورڠڽ 3 ترنم تنڤا تکرير.<br>❖ ستياڤ ترنم دسمڤورناکن سچارا تراتور. سکورڠ-کورڠڽ 4 حرکة تنڤا تکرير.<br>❖ ستياڤ ترنم دسمڤورناکن دالم 3 طبقات.<br>❖ ستياڤ ترنم دباوا دڠن تراتور دان ترسوسون، تيدق برچمڤور ادوق کچوالي وصلة المماثلة.<br>❖ ستياڤ ترنم دان حرکتن ممڤوڽاءي کاي کلمبوتن الونن تنڤا چاچت اتاو سومبڠ. | | | 25 24 23 22 21 20<br>19 18 17 16 15 14<br>13 12 11 10 9 8<br>7 6 5 4 3 2<br>1 |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| مرکه ڤنوه | 25 / 25 | مرکه دڤوتوڠ | | مرکه دڤراوليهي | | جومله مرکه | / 25 |

**ڤرهاتين:**

أ. ساتو کسالهن دڤوتوڠ 1 مرکه.
ب. ترتيڠݢل ساتو لاݢو، دڤوتوڠ 4 مرکه.
ج. ترتيڠݢل ساتو حرکة، دڤوتوڠ 1 مرکه.

------------------------
تندا تاڠن جوري

------------------------
تندا تاڠن کتوا جوري

________________________
نام جوري

________________________
نام کتوا جوري

بورڠ ڤنجورين راسمي مهرجان القرءان سکوله٢ کمنترين ڤنديديقن مليسيا

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM

**Pertandingan peringkat:**
1) PPD : ____________
2) JPN : ____________
3) Kebangsaan

# تلاوة القرءان سکوله رنده / منڠه

## بهاݢين فصاحة (20 مرکه)

| | | | |
|---|---|---|---|
| نومبور کيليرن ڤسرتا: | نام سورة: ............................ | نومبور اية: ........... هيڠݢ ........... | تاريخ: ............................ |
| کاتيݢوري ڤسرتا: ☐ رنده للاکي ☐ منڠه للاکي ☐ رنده ڤرمڤوان ☐ منڠه ڤرمڤوان | | | تمڤت: ............................ |

| ڤرکارا٢ يڠ دجوري | چاتتن کسالهن | | مرکه يڠ دڤوتوڠ (20 مرکه) |
|---|---|---|---|
| ❖ مخرج دان صيفت حروف.<br>❖ چرمت دالم باچاٴن.<br>❖ لنجر سبوتن حرو<br>❖ ف، لفظ دان اية.<br>❖ ترڤليهارا سکالا باريس دان تشديد.<br>❖ ساله وقف دان ابتداٴ.<br>❖ ترڤليهارا سوسونن اية.<br>❖ ترڤليهارا درڤد برنفس ددالم باچاٴن (منجوري نفس). | | | 20 19 18 17 16 15<br>14 13 12 11 10 9<br>8 7 6 5 4 3<br>2 1 |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| مرکه ڤنوه | 20 / 20 | مرکه دڤوتوڠ | | مرکه دڤراوليهي | | جوملہ مرکه | / 20 |

**ڤرهاتين:**
أ. ساتو کسالهن دڤوتوڠ 1 مرکه.
ب. ترتوکر باريس يڠ مروسقکن مقصود اية دڤوتوڠ 2 مرکه.
ج. وقف اتاو إبتداٴ يڠ مروسقکن مقصود اية دڤوتوڠ 2 مرکه.
د. منيڠݢلکن اتاو ملڠکاو ساتو اية ڤنوه دڤوتوڠ 3 مرکه.

---------------------------------
تندا تاڠن جوري

---------------------------------
تندا تاڠن کتوا جوري

نام جوري

نام کتوا جوري

بورغ ڤنجورين راسمي مهرجان القرءان سکوله٢ کمنترين ڤنديديقن مليسيا

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM

# تلاوة القرءان سکوله رنده / منڠه

**Pertandingan peringkat:**
1) PPD : ____________ ☐
2) JPN : ____________ ☐
3) Kebangsaan ☐

**بهاݢين سوارا (20 مرکه)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| نومبور کيليرن ڤسرتا: ☐ | نام سورة: .................... | نومبور اية: ........... هيڠݢ ........... | تاريخ: .......................... |
| کاتيݢوري ڤسرتا: رنده للاکي ☐ منڠه للاکي ☐ رنده ڤرمڤوان ☐ منڠه ڤرمڤوان ☐ | | | تمڤت: .......................... |

| ڤرکارا٢ يڠ دجوري | چاتتن کسالهن | | مرکه يڠ دڤوتوڠ (20 مرکه) |
|---|---|---|---|
| ❖ کبرسيهن سوارا.<br>❖ کليچينن سوارا.<br>❖ طبقات سوارا.<br>❖ کتڤتن نادا سوارا.<br>❖ کمانيسن / کلمبوتن سوارا.<br>❖ کلانچرن / کتاجمن سوارا.<br>❖ ککرڤن / کراڤين برده.<br>❖ ڤڠاولن کواليتي سوارا. | | | 20 19 18 17 16 15<br>14 13 12 11 10 9<br>8 7 6 5 4 3<br>2 1 |

| مرکه ڤنوه | 20 / 20 | مرکه دڤوتوڠ | | مرکه دڤراوليهي | | جومله مرکه | / 20 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

**ڤرهاتين:**
